

2 beranak maut nahas lepas ambil ubat

Arwah tutur

Metro 10/4/2011 MS 6.

FAKTA
Kereta
mangsa
dirempuh
lori

kalimah Allah

>>Oleh SAFURI KAMARUDIN

metahad@hmetro.com.my

BALING: Perjalanan untuk mengambil ubat seorang kanak-kanak dua tahun, bertukar tragedi apabila dia dan bapanya maut selepas kereta yang mereka naiki dirempuh sebuah lori yang datang daripada arah depan di Jalan Simpang Empat Telok Pendar- Carok Nau di sini, 10.30 pagi semalam.

Dalam kejadian itu, Mohamad Fahin Afdal Yahaya, 2, maut selepas kereta yang dipandu bapanya, Yahaya Md Daud, 39, merempuh sebuah lori ketika mereka dalam perjalanan menuju ke Hospital Baling (HB) bagi mengambil ubat lelah yang dialami Fahin.

Mangsa yang diriba ibunya Rusnani Abu Bakar, 30, maut di tempat kejadian selepas cedera parah akibat tersepit di tempat duduk depan manakala bapanya yang juga Pegawai Penyelaras UMNO Dewan Undangan Negeri (Dun) Kupang maut di HB, kira-kira jam 1.30 petang, semalam.

Ketika kejadian mereka sekeluarga berada di dalam kereta berkenaan termasuk anak sulung mereka Mohd Faiz, 5, sebelum dirempuh lori yang tiba-tiba masuk ke jalan mereka. Rempuhan menyebabkan kedua kenderaan terperosok di dalam longkang bersebelahan jalan.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Mat Daud



Mat Hasan ketika ditemui berkata, lori berkenaan dalam perjalanan daripada Carok Nau menuju ke Simpang Telok Pendar cuba mengelak sebuah motosikal yang tiba-tiba masuk ke jalan sebelum bertembung dengan kereta Proton Wira yang dipandu Yahaya.

"Ibu mangsa yang berada di hadapan cedera parah manakala abangnya hanya cedera ringan walaupun terhamban ke depan kereta akibat rempuhan yang kuat itu.

"Anggota bomba serta orang ramai yang berada di tempat kejadian juga membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit sebelum menghantar kesemua mangsa ke HB," katanya.

Menurut Mat Daud, pe-

mandu lori berkenaan, Zakaria Harun, 47, bagaimanapun tidak mengalami kecederaan dan akan diambil keterangan bagi membantu siasatan kejadian.

Sementara itu, pengasuh mangsa, Azmah Awang, 45 yang juga ibu saudara mangsa terkejut apabila mengetahui kejadian malang itu.

Azmah berkata, anak saudaranya yang diasuh sejak kecil adalah seorang yang riang dan kehilangannya amat dirasai.

"Saya sering bersamanya dan jarang berpisah, saya mengasuh Fahin dan abangnya dari pagi hingga lewat petang apabila ibu dan bapanya keluar bekerja.

"Saya tidak menyangka ketepahan dia bertutur dan

melaungkan kalimah 'Allahuakbar' beberapa hari sebelum kejadian ialah petanda awal dia akan meninggalkan saya," katanya.

Azmah berkata, sebaik saja Fahin terjaga daripada tidur, dia selalu melaungkan kalimah itu walaupun tidak jelas. Dia tidak mengesyaki apa-apa malah menganggap Fahin baru belajar bertutur.

Menurutnya, dua anak saudara itu tinggal bersebelahan rumahnya di Kampung Tanah Periok, Mukim Kupang dijaga sepenuh masa kerana ibunya mengikuti kursus kenaikan pangkat sebagai jururawat di Alor Setar dan kebetulan bercuti pada hari ini (semalam) dan esok (hari ini) jadi kedua mereka tinggal bersama ibunya.